

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/1(15)

24 Julai 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2008

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

**BAYARAN INSENTIF KEPADA PENERUSI PANEL PEPERIKSAAN LISAN PELAJAR
PENYELIDIKAN**

1.0 TUJUAN

Adalah dimaklumkan bahawa tujuan pekeliling ini adalah untuk menerangkan kadar bayaran insentif kepada penerusi panel peperiksaan lisan pelajar penyelidikan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Peperiksaan lisan siswazah penyelidikan adalah peringkat akhir penilaian dan peperiksaan yang perlu dilalui oleh seseorang siswazah penyelidikan. Peperiksaan lisan dijadualkan setelah pemeriksa menghantar laporan pemeriksaan tesis siswazah penyelidikan ke Pusat Pengajian Siswazah.
- 2.2 Panel peperiksaan lisan adalah terdiri daripada seorang penerusi dan dua atau tiga orang pemeriksa.
- 2.3 Pengerusi yang dilantik adalah ditetapkan mempunyai latar belakang bidang yang berlainan dengan pelajar yang dinilai. Ini bertujuan bagi mengelakkan suasana yang tidak seimbang ketika peperiksaan lisan berlangsung.
- 2.4 Pengerusi adalah bertanggungjawab sebagai moderator ketika peperiksaan lisan berlangsung. Sekiranya terdapat percanggahan di kalangan pemeriksa, penerusi juga akan bertindak dan bertanggungjawab sebagai fasilitator dan pegawai penyelesaian.
- 2.5 Pengerusi turut bertanggungjawab menyediakan laporan penerusi peperiksaan lisan sepertimana yang telah dipersetujui bersama-sama ahli-ahli panel yang lain.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 2/2008 bersetuju memperakukan cadangan memperkenalkan bayaran insentif kepada pengerusi panel peperiksaan lisan pelajar penyelidikan seperti berikut:-

Peringkat Pengajian Yang Dipengerusikan	Kadar Bayaran (RM)	
	Ijazah Sarjana	Ijazah Doktor Falsafah
Pengerusi Panel Peperiksaan Lisan	100.00	200.00

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh kelulusan oleh Lembaga pengarah Universiti (LPU) Bil 2/2008.

Kerjasama daripada YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan kepada staf di bahagian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Ketua Unit Audit Dalam